

## MODEL GURU PENDIDIKAN ISLAM KOMPREHENSIF

*Wan Ali Akbar Wan Abdullah*

*wanaliakbar.kpm@gmail.com*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Khadijah Abdul Razak*

*Khadijah.razak@ukm.edu.my*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Mohd Isa Hamzah*

*isa\_hamzah@ukm.edu.my*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Perbincangan mengenai konsep guru sentiasa menjadi tumpuan para sarjana. Bermula tahun 2006, konsep guru pendidikan Islam telah dibentuk dalam satu model yang dikenali sebagai konsep lima mim. Sejak daripada itu, pelbagai konsep mula diperkenalkan dengan melihat daripada dimensi tertentu. Sehingga kini, sebanyak sebelas mim telah diperkenalkan, iaitu; *murabbi, muaddib, muallim, mursyid, mudarris, mudarrib, muwajih, muslih, mukhlis, muzakki* dan *mubdi'*. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneliti kesemua konsep guru ini secara mendalam. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif. Data dikutip menggunakan kaedah analisis dokumen. Dapatkan menunjukkan terdapat konsep yang bersifat umum dan khusus dan terdapat konsep yang mempunyai sedikit persamaan antara satu sama lain. Kesemua sebelas konsep yang dibincangkan ini membentuk Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif.

**Kata kunci:** Konsep Guru; Guru Pendidikan Islam; Model Guru Pendidikan Islam Komprehensi

### COMPREHENSIVE ISLAMIC EDUCATION MODEL

### ABSTRACT

Discussions on the concept of teachers have always been the focus of scholars. From 2006, the concept of Islamic education teachers has been formed in a model known as the concept of five mims. Since then, various concepts have been introduced by looking at certain dimensions. Now, a total of eleven mims have been introduced, namely; *murabbi, muaddib, muallim, mursyid, mudarris, mudarrib, muwajih, muslih, mukhlis, muzakki* dan *mubdi'*. This study was conducted with the aim of examining all the concepts of these teachers in depth. The study was conducted in a qualitative form. Data were collected using document analysis methods. The findings show that there are concepts that are general and specific and there are concepts that have little in

common with each other. All eleven concepts discussed form the Comprehensive Islamic Education Teacher Model.

**Keywords:** Teacher Concept; Islamic Education Teacher; Comprehensive Islamic Education Teacher

## PENDAHULUAN

Para sarjana berbeza pandangan mengenai falsafah pendidikan. Isu ini membawa kepada perdebatan panjang mengenai, apakah konsep sebenar pendidikan. Perbezaan utama berada di sekitar *at-Tarbiyyah* atau *at-Ta'dib*. Pada tahun 1977, muzakarah antarabangsa pendidikan Islam telah menyimpulkan konsep pendidikan sebagai *at-Tarbiyyah*, *at-Ta'dib* dan *at-Ta'lim* secara bersama. Menurut Halstead (2004), *ta'lim* menekankan kepada ilmu, *tarbiyyah* pula menekankan kepada pembangunan diri, manakala *ta'dib* pula menekankan kepada penerapan adab. Setiap satu istilah bertindih pengertian antara satu sama lain, namun mempunyai erti yang penting dan sama kepada pendidikan dari sudut menghasilkan Muslim yang baik. Dari satu sudut yang lain, resolusi ini secara tidak langsung membawa kepada penerimaan konsep tiga mim iaitu *murabbi*, *muaddib* dan *muallim* sebagai konsep guru pendidikan Islam komprehensif. Ketiga-tiga konsep ini menjadi perbahasan pada sarjana mengenai konsep guru ketika itu (Ab. Halim Tamuri et al. 2010). Pada tahun 2006, Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2006) memperkenalkan konsep lima mim, iaitu dengan tambahan dua mim, iaitu; *mursyid* dan *mudarris*.

Pada tahun 2014, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor pula memperkenalkan konsep pendidikan integrasi dan holistik. Melalui konsep ini, penekanan diberikan kepada konsep *ta'lim*, *ta'dib*, *tadrib*, *taujih* dan *irsyad* (Bahagian Pendidikan Islam JAIS 2015). Kelima-lima konsep ini dikategorikan sebagai perincian kepada konsep *murabbi* (Noornajihan Jaafar et al. 2012). Daripada lima konsep ini, ada tambahan dua mim, iaitu *mudarrib* dan *muwajjih* (Sapie Sabilan et al. 2020). Pada tahun 2019, dalam konteks PdP KBAT, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain dan Ahmad Marzuki Mohamad (2019) memperkenalkan konsep guru syumul dengan memberi penekanan pada konsep 7M, iaitu; *murabbi*, *muallim*, *mursyid*, *muslih*, *mudarris*, *muaddib* dan *mukhlis*. Ada tambahan dua konsep, iaitu *muslih* dan *mukhlis*. Pada tahun 2020 pula, Nur Farah Syahirah Nazim dan Abdul Muhsien Sulaiman (2020) telah memperkenalkan konsep *muzakki*, manakala Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al. (2020) pula memperkenalkan konsep *mubdi'* sebagai konsep tambahan kepada guru pendidikan Islam. Keadaan ini menjadikan ada 11 mim bagi menggambarkan keseluruhan konsep guru pendidikan Islam, dengan setiap satunya mempunyai fokus tersendiri.

## KONSEP LIMA MIM

Konsep lima mim merujuk kepada konsep guru pendidikan Islam sebagai *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *murshid* dan *muallim* (Ab. Aziz Yusof 2014; Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail 2006; Kamarul Azmi Jasmi 2010; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007). Kelima-lima istilah ini menggambarkan konsep guru yang komprehensif (Ab. Halim Tamuri 2012).

*Murabbi* bermaksud guru yang menjaga, membesarakan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah kanak-kanak serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka dengan dorongan yang beransur-ansur agar dapat

berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh kanak-kanak tersebut (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007) dalam kelas (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail 2006). Dalam surah al-Isra' (17:24), Allah menggunakan perkataan *tarbiyyah* dan disandarkan kepada ibu bapa kerana hubungan kasih sayang yang ikhlas terjalin antara ibu bapa dan anak-anaknya sehingga timbul kepercayaan antara kedua-duanya (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al. 2015). Berdasarkan surah al-Isra' (17:24) juga, Hussain (2004) menterjemahkan *tarbiyyah* sebagai pendidikan yang khusus untuk anak-anak dan tidak merangkumi didikan terhadap orang dewasa. Hal ini kerana orang dewasa hidup berdikari dan tidak lagi mendapat didikan daripada ibu bapanya.

Namun, berbeza pula dengan Ab. Aziz Yusof (2014) yang tidak mengehadkan *tarbiyyah* kepada golongan tertentu, sebaliknya memberi fokus peranan *murabbi* sebagai pendidik yang bukan sahaja menyalurkan ilmu kepada pelajar, tetapi pada masa yang sama memberikan pendidikan rohani, jasmani, ketramplian diri dan intelektual untuk dihayati dan mengamalkan ilmu yang telah dipelajari. Sifat *tarbiyyah* muncul kerana sandaran ilmu yang dibuat terhadap kitab Allah dengan mempelajarinya dan mengajarkannya (Ali Imran, 3:79). Pemusatan *murabbi* terhadap penekanan pendidikan Rabbani menyebabkan ia menjadi satu tugas berat yang hanya mampu ditanggung oleh guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi (Noornajihan Jaafar et al. 2012). Namun, menyedari kepentingan konsep guru sebagai *murabbi*, maka penekanan guru sebagai *murabbi* dibuat oleh para sarjana seperti al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwan, al-Hammadi, al-Hafiz Suwaid, an-Nahlawi (Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed 2015) dan Said Hawwa (Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri 2017).

*Muaddib* pula merujuk kepada sesiapa yang memilih untuk mentarbiyyah dan mengajar manusia sehingga berakhhlak mulia (Ibrahim Anis et al. n.d.). Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), *muaddib* merujuk kepada guru yang berperanan untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbang, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Penekanan terhadap *muaddib* sebagai penerap adab sesuai dengan maksud hadis "*Tuhanku (Allah) telah mendidikku dan menjadikan pendidikanku sebagai pendidikan terbaik*" (At-Tabrani 1985) yang menjadi asas kepada gagasan pendidikan ta'dib yang dipopularkan oleh al-Attas (Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman 2011). Al-Manawi (1937), ketika membahaskan hadis ini, menyatakan bahawa Allah telah mengajarkan Rasulullah dan menyempurnakan kepada baginda akhlak yang terbaik sama ada akhlak batin, mahupun akhlak zahir sehingga tidak mungkin dapat dilihat kesempurnaan akhlak seperti yang ada pada Rasulullah, ada pada manusia yang lain. Keadaan ini menyebabkan guru terlebih dahulu perlu mempunyai set akhlak yang baik sebelum mampu menerapkan adab dan akhlak terhadap pelajar (Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor 2013). Ab. Aziz Yusof (2014) pula menyatakan definisi yang sedikit berbeza, dengan menekankan kepada penerapan kualiti nilai bagi membolehkan pelajar memiliki kemampuan untuk melaksanakan tugas yang bakal dipertanggungjawabkan kepada mereka di kemudian hari.

*Muallim* pula adalah sesiapa yang mengambil profesion mengajar dan diberi lesen untuk mengajar dengan bebas (Ibrahim Anis et al. n.d.). Ab. Aziz Yusof (2014) mendefinisikan *muallim* sebagai orang yang menguasai ilmu, mampu mengembangkannya serta menjelaskan dan menterjemahkannya dalam kehidupan sesuai dengan tuntutan semasa. Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) pula, *muallim* ialah guru dalam bilik darjah yang memberitahu, mengajar, memindahkan dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk

pengajaran yang seumpamanya. Sifat *muallim* adalah sifat yang mulia kerana Allah s.w.t. sendiri menyandarkan sifat tersebut kepada diri-Nya melaluinya firman-Nya dalam surah al-Baqarah (2:31) apabila Allah mengajar Nabi Adam nama-nama, lalu menjadikan diri-Nya sebenar-benar *Muallim* dan sumber ilmu yang mutlak (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al. 2015).

Proses perpindahan ilmu yang berlaku daripada guru kepada pelajar, menyebabkan guru sebagai *muallim* perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan kepelbagaiannya kemahiran, sebagai tambahan kepada kemahiran dan pengetahuan yang menjadi dasar kepakaran mereka (Muriyah Abdullah et al. 2016). Kepakaran yang ada pada *muallim*, bukan sekadar pada konten ilmu, bahkan juga kaedah penyampaian ilmu tersebut secara berkesan (Ismail Abas et al. 2016). Secara lebih terperinci, Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) menggariskan empat komponen yang perlu ada pada *muallim*, iaitu; kemahiran PdP, penguasaan ilmu pengetahuan, motivasi diri dan personaliti positif.

*Murshid* pula merujuk kepada guru yang memimpin dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbang dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri pelajar sebagai insan soleh (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007). Menurut Ab. Aziz Yusof (2014) pula, *murshid* adalah seorang pakar dalam memberi tunjuk ajar terutamanya dalam membangunkan kekuatan kerohanian dalam masyarakat. Dalam hal ini, *murshid* perlulah menonjolkan sifat kepimpinan yang tinggi sehingga boleh dicontohi oleh pelajar (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al. 2015). Konsep *murshid* memang selari dengan konsep permodelan guru terhadap pelajar (Nursafra Mohd Zhaffar 2017). Oleh kerana itu, maka al-Ghazali menggunakan istilah *murshid* ketika membahaskan mengenai peranan guru sebagai pemimpin (Fatahiyah Elias 2020), manakala al-Farabi menyamakan *murshid* sebagai ketua (*ar-Rais*) hasil kekuatan fitrah dan ilmu guru tersebut (Mohamad & Sahad 2014). Ahmad Firdaus Mohd Noor (2017) pula menyatakan bahawa *murshid* menjalankan tugas da'i, lalu memetik surah an-Nahl (16:125) yang menggesa agar seruan dibuat terhadap *mad'u* dengan tiga kaedah, iaitu hikmah, nasihat dan perbahasan. Ketika menafsirkan ayat ini, Al-Maraghi (1946) menyebut bahawa guru perlu mendekati pelajar berbeza mengikut tiga pendekatan berbeza, iaitu; hikmah bagi pelajar yang cerdas, berbahas dengan pelajar pertengahan, yang biasa, tidak cerdik dan tidak bodoh, serta nasihat kepada pelajar yang tidak pandai. Pemilihan ayat ini menonjolkan sisi kreatif dan inovatif seorang *murshid* ketika mengajar pelajar.

*Mudarris* pula bermaksud orang yang banyak menyampaikan pelajaran dan membacakan daripada buku-buku (Ibrahim Anis et al. n.d.). Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) mendefinisikan *mudarris* sebagai ciri pengajar yang berkesan yang melibatkan aspek PdP bermula daripada persediaan mengajar sehingga kepada proses PdP dan akhirnya penilaian kendiri. *Mudarris* adalah asas kepada guru cemerlang yang berkesan (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail 2006). Daripada al-Quran pula, dapat difahami bahawa *mudarris* bermaksud guru yang memahami, percaya dan mengamalkan apa-apa yang diajarkannya, serta mengajar pelajar secara berulang-ulang (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al. 2015).

Peranan rasmi guru adalah sebagai *mudarris* dan *muallim* (Noornajihan Jaafar et al. 2012), manakala *muaddib*, *murabbi* dan *murshid* adalah peranan umum guru (Azhar Ahmad 2012). Kaitan antara kelima-lima konsep ini, seperti yang diringkaskan oleh Noornajihan Jaafar et al., (2019), adalah; guru yang mengembangkan akhlak dalam diri pelajar (*murabbi*), bukan semata-mata pengantar ilmu (*muallim*), tetapi turut mengaplikasikan akhlak dalam kehidupan seharian (*muaddib*) serta mengajar dengan berkesan (*mudarris*) dan mampu memberi petunjuk (*murshid*) kepada pelajar mereka.

## KONSEP PENDIDIKAN INTEGRASI DAN HOLISTIK

Konsep Pendidikan Integrasi dan Holistik dibangunkan dan diaplikasikan dalam sistem pendidikan di sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam Selangor JAIS. Melalui konsep ini, *murabbi* dijadikan teras, manakala ada lima konsep lain sebagai perincian kepada *murabbi*, iaitu; *muallim*, *muaddib*, *mudarrib*, *muwajjih* dan *murshid* (Noornajihan Jaafar 2014). *Murabbi*, *muallim*, *muaddib* dan *murshid* telah dibicarakan dalam konsep lima mim. Tambahan dua konsep, iaitu *mudarrib* dan *muwajjih* akan diperincikan dalam konsep ini. *Mudarrib* diterjemahkan sebagai jurulatih. *Mudarrib* adalah pelaku bagi *darraba*. *Darraba* merujuk kepada perbuatan mengajar sesuatu perkara sehingga mahir (Ibrahim Anis et al. n.d.). Konsep *tadrib* tidak dinyatakan secara khusus dalam nas al-Quran, namun ada dinyatakan secara tersirat. Contohnya, ketika Nabi Adam a.s. dimasukkan ke dalam syurga, kemasukan itu bukan secara kekal, sebaliknya adalah sebagai satu bentuk latihan (*tadrib*) kepada Nabi Adam a.s. mengenai apa-apa yang boleh dilakukan dan apa-apa yang tidak boleh dilakukan serta peringatan mengenai syaitan yang akan sentiasa memusuhi manusia (Asy-Sya'rawi 1997). Begitu juga ketika menafsirkan ayat mengenai penurunan al-Quran yang dinyatakan dalam surah az-Zumar (39:23), al-Khatib asy-Syarbini (1868) menyatakan bahawa Allah s.w.t. menurunkan al-Quran secara beransur-ansur sebagai latihan (*tadrib*) memahami masalah dan menyelesaikannya mengikut konteks. Latihan secara berulang-ulang daripada seorang guru akan memberikan impak yang baik kepada pembelajaran pelajar, sama ada dari sudut kemahiran atau kefahaman (Ibn Khaldun 2001).

*Muwajjih* pula diterjemahkan sebagai kaunselor. *Muwajjih* adalah pelaku bagi *wajjaha*, yang bermaksud tunduk dan patuh (Ibrahim Anis et al. n.d.). Dalam konteks *muwajjih*, guru perlu menjadi pemandu, dengan mendepani pelajar, memahami masalah yang mereka hadapi, meneroka potensi diri mereka, mengunjurkan potensi kerjaya mereka dan menerapkan nilai murni dalam diri mereka (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa 2002). Hal inilah yang dinyatakan dalam Nabi Ibrahim a.s., antaranya dalam surah al-An'am (6:79), bahawa baginda menghadapkan diri-Nya di hadapan Allah agar Allah akan menghindarikannya daripada menjadi seorang musyrik. Dalam konteks situasi ini, Nabi Ibrahim menghadapi masalah kerana mencari-cari tuhan yang sebenar (al-An'am, 6:75-78). Akhirnya, baginda menghadap Allah, lalu diberi petunjuk bahawa tuhan yang sebenar hanyalah Allah dan ajaran syirik itu jauh daripada kebenaran.

## KONSEP TUJUH MIM

Konsep tujuh mim merangkumi *murabbi*, *muallim*, *murshid*, *muslih*, *mudarris*, *muaddib* dan *mukhlis* (Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Ahmad Marzuki Mohamad 2019). Lima mim telah dijelaskan sebelum ini. Tambahan dua mim adalah *muslih* dan *mukhlis*. *Muslih* adalah pelaku bagi *aslaha*, yang bermaksud pembaik bagi sesuatu kerja atau urusan (Ibrahim Anis et al. n.d.). Dalam al-Quran, penggunaan lafadz *aslaha* digunakan seperti dalam surah al-Hujurat (49:10) dalam konteks pendamaian terhadap dua orang saudara yang bergaduh, atau dalam surah al-Anbiya' (21:90), dalam konteks penyembuhan terhadap kemandulan yang dihadapi oleh isteri Nabi Zakaria sehingga dikurniakan anak yang bernama Yahya. Dalam konteks pendidikan, guru sebagai seorang yang *muslih* akan sentiasa berusaha memperbaiki pelajar-pelajarnya agar dapat mempunyai jati diri sebagai orang yang soleh. Hal ini dapat dicapai melalui pendidikan akidah yang dikendalikan oleh guru yang berperanan sebagai pembimbing, *role model*, penyayang,

memupuk sifat terpuji, mengekalkan keserasian hubungan dengan pelajar dan prihatin (Fatahiyah Elias 2020). *Mukhlis* pula adalah pelaku bagi *akhlas*, yang bermaksud meninggalkan riya' (Ibrahim Anis et al. n.d.). Ia merujuk kepada keikhlasan yang ada pada seorang guru dalam mengajar dan memastikan pengajarannya dilakukan dengan sebaik yang mungkin, tanpa berkira waktu, tenaga dan masa. Seorang guru yang *mukhlis* turut merasakan pekerjaan yang dilakukannya adalah ibadah.

## MUZAKKI

Pengenalan konsep *muzakki* dibuat kerana, tiada satu pun nas al-Quran yang menjadi sandaran dalam konsep lima mim, merujuk kepada tugas Rasulullah secara khusus sebagai guru, melainkan ia adalah hasil ekstrak bahasa (Nur Farah Syahirah Nazim & Abdul Muhsien Sulaiman 2020). Keadaan ini berbeza dengan *muzakki* yang merujuk kepada tugas guru sebagai seorang pembersih jiwa. Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap empat ayat al-Quran, dengan memberi fokus kepada lafaz *yuzakkihim* (al-Baqarah, 2:129; Ali Imran, 3:164; al-Jumuah, 62:2) dan *yuzakkikum* (al-Baqarah, 2:151), terdapat empat fokus yang perlu ditekankan oleh guru, iaitu *tazkiyyah iktiqadiyah*, *tazkiyah ruhiyyah*, *tazkiyah akhlaqiyyah* dan *tazkiyah jasadiyyah*. Melalui dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa *muzakki* adalah guru yang menyucikan akidah, rohani, akhlak dan pembawaan diri manusia dalam rangka usaha menjadikan manusia bersih dari segala bentuk dosa dalam bentuk yang lebih praktikal (Nur Farah Syahirah Nazim & Abdul Muhsien Sulaiman 2020).

## MUBDI'

*Mubdi'* adalah *al-badi'* (Ibrahim Anis et al. n.d.). *al-Badi'* adalah nama Allah yang merujuk kepada inovator (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah 2020a). Walaupun Khosim, Hussin, dan Salaeh, (2018) menggunakan istilah *tajdid* bagi terjemahan kepada inovasi, namun lafaz yang paling tepat adalah *al-bid'u* (Umar Faruq Abd Allah 2006). Hal ini selaras dengan penggunaan lafaz *al-badi'* dalam dua ayat al-Quran, iaitu al-Baqarah (2:116) dan al-An'am (6:100) yang menunjukkan kesesuaian penggunaan lafaz *al-badi'* yang selari dengan maksud inovasi (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah 2020a) yang mempunyai elemen adaptasi dan kombinasi (Lednor 2019) berbanding *al-mujaddid* bagi menggambarkan maksud sebenar inovator.

Pengenalan konsep *mubdi'* selaras dengan perkembangan semasa dunia yang memerlukan professional inovator sebagai sebahagian daripada peranan baru dalam dunia kerjaya akan datang (Centre for the New Economy and Society 2018). Kemahiran inovasi juga termasuk dalam pada 2018 dan dijangka terus menjadi trend yang paling diperlukan sehingga 2022. Selain itu, pengenalan konsep *al-mubdi'* turut selaras dengan Standard Guru Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia 2009), laluan kerjaya baru dalam bidang pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016), Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPBM) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013) dan menjadi salah satu daripada peranan penting guru (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2017; Noraini Ibrahim et al. 2013). Dari sudut yang lain, dalam melahirkan generasi inovator di masa hadapan, guru terlebih dahulu perlu menonjolkan sikap inovatif mereka. Hal ini kerana hanya guru inovatif mampu melahirkan pelajar inovatif (Mohd Yusoff Dagang 2016; Tan & Goh 2007). Melahirkan pelajar inovatif selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia

2012a), Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012b) dan mesti diterapkan dalam subjek pendidikan Islam (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2018).

*al-Mubdi'* merujuk kepada guru yang menghasilkan inovasi pengajaran serta berjaya meningkatkan keberkesanannya pengajaran melalui inovasinya itu (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah 2020b). Untuk menghasilkan inovasi pengajaran, *al-mubdi'* perlu mempunyai empat jenis pengetahuan, iaitu; kompetensi spesifik, koemahiran kognitif, kemahiran pedagogi kandungan dan kemahiran sosial (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, et al. 2020). Kepentingan menghasilkan inovasi menyebabkan guru perlu memberikan tumpuan yang lebih ketika pembangunan inovasi (Ab. Halim Tamuri et al. 2012).


## PERBINCANGAN

Sebelas mim dibincangkan, iaitu *murabbi*, *muaddib*, *muallim*, *mursyid*, *mudarris*, *mudarrib*, *muwajjih*, *muslih*, *mukhlis*, *muzakki* dan *mubdi'*. Ada mim tertentu yang hampir sama dengan mim yang lain, seperti *murabbi* dan *muzakki* yang memberi fokus kepada didikan rohani, jasmani dan intelek. Bezanya terlalu sedikit. Selain itu, ada juga mim yang bersifat umum dan khusus, seperti *muaddib* yang memfokuskan kepada peranan guru sebagai penerap keseluruhan adab, berbanding *mukhlis*, yang memberi fokus kepada keikhlasan. Ikhlas adalah antara bab yang dibincangkan dalam ilmu akhlak (Al-Misri 2014). Walau bagaimanapun, setiap satu mim mempunyai falsafah tersendiri. Falsafah setiap mim itu yang menjadikan setiap daripada satu mim dengan mim yang lain berbeza dan unik serta saling melengkap. Ringkasan kepada kesemua 11 mim ini dapat difahami melalui Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Ringkasan penerangan 11 mim

| No. | Mim             | Ringkasan   |
|-----|-----------------|---|
| 1   | <i>Murabbi</i>  | Pendidik rohani, jasmani dan intelek  |
| 2   | <i>Muaddib</i>  | Penerap adab  |
| 3   | <i>Muallim</i>  | Perangsang ke arah peningkatan tahap kualiti pelajar  |
| 4   | <i>Murshid</i>  | Pemandu ke arah pembentukan jati diri pelajar   |
| 5   | <i>Mudarris</i> | Pengajar ilmu dalam kelas   |
| 6   | <i>Mudarrib</i> | Jurulatih yang melatih pelajar sehingga pandai dan mahir  |
| 7   | <i>Muwajjih</i> | Kaunselor yang meluangkan masa untuk merungkai potensi diri pelajar dan memandu mereka menyelesaikan masalah mereka.          |
| 8   | <i>Muslih</i>   | Pembersih jiwa agar pelajar jadi soleh  |
| 9   | <i>Mukhlis</i>  | Guru yang ikhlas mendidik dan menganggap kerjanya sebagai satu ibadah serta mendidik pelajar untuk turut sama menjadi ikhlas. |
| 10  | <i>Muzakki</i>  | Pembersih jiwa pelajar dari sudut akidah, ruh, akhlak dan jasad.  |
| 11  | <i>Mubdi'</i>   | Penghasil inovasi untuk meningkatkan kualiti pengajaran.  |

Selain itu, terdapat peranan umum dan khusus pada 11 mim ini. Peranan umum bermaksud peranan yang mesti dimainkan oleh sesiapa sahaja yang bergelar guru, manakala peranan khusus merujuk kepada peranan sesiapa yang mempunyai kerjaya sebagai seorang guru. Peranan umum guru adalah *murabbi*, *muaddib*, *murshid*, *muwajjih*, *muslih*, *mukhlis* dan *muzakki*. Peranan khusus guru pula adalah *muallim*, *mudarris*, *mudarrib* dan *mubdi'*. Ia membentuk Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif

## KESIMPULAN

Konsep 11 mim dibincangkan dalam artikel ini. Konsep ini bersifat komprehensif yang boleh dijadikan oleh guru sebagai muhasabah kendiri. Konsep ini juga boleh menjadi panduan bagi institusi yang melatih guru untuk memperkemaskan system latihan sedia ada bagi melahirkan pelatih guru yang mempunyai sifat yang komprehensif yang perlu ada sebagai seorang guru. Kepentingan seorang guru, dalam kekurangan sifat mereka sebagai hamba, masih cuba menonjolkan sisi sempurna adalah untuk menjadi contoh ikutan yang terbaik bagi pelajar. Hal ini sebagaimana Rasulullah s.a.w. yang sempurna, lalu menjadi contoh ikutan terbaik buat para sahabat dan umat Islam seluruhnya (al-Ahzab, 33:21). Jika sempurna guru, maka sempurnalah pelajar. Maka, tidak hairanlah apabila Rasulullah s.a.w. menyifatkan para sahabat sebagai sebaik-baik golongan. Abdullah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Sebaik-baik umatku adalah kurun yang aku ada bersamanya. Kemudian, orang yang mengikut mereka.

(Muslim n.d.)

## RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
- Ab. Aziz Yusof. 2014. Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri. 2012. Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Negara: Pembangunan Remaja Muslim di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Transformasi Remaja Muslim*, hlm. 1–15. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru

- Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 43–56.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani & Zarin Ismail. 2010. Penilaian Pelajar-pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia. *Persidangan Serantau Pendidikan Islam*, hlm. 1–12.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah* 2(2): 53–63. doi:10.7187/GJAT232012.02.02
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2006. Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim. *Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam*, hlm. 1–15. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor. 2017. *Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik: Satu Kajian Kes. Tesis PhD*. Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Khatib asy-Syarbini, S. M. A. 1868. as-Siraj al-Munir. Kaherah: Matba'ah Bolok (al-Amiriyyah).
- Al-Manawi, Z. A. M. 1937. Faidhul Qadir Syarh al-Jami' as-Soghir. Mesir: al-Maktabah at-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Maraghi, A. M. 1946. Tafsir al-Maraghi. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladahi.
- Al-Misri, M. 2014. Akhlak Rasulullah. (Zainun Abd Muis, Ed.). Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. 2013. Pengaruh personaliti guru pendidikan Islam terhadap pembentukan peribadi murid. *Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character*, hlm. 211–218.
- Asy-Sya'rawi, M. M. 1997. Tafsir asy-Sya'rawi. Mutabi' Akhbar al-Yaum.
- At-Tabrani, S. bin A. A. 1985. al-Mukjam as-Soghir. Beirut: al-Maktam al-Islami.
- Azhar Ahmad. 2012. Peranan Guru dalam Transformasi Pembangunan Akhlak Remaja. *Seminar Kebangsaan Transformasi Remaja Muslim*, hlm. 1–9. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2018. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. 2015. Komponen Pelaksanaan IHES. <https://pendidikan.jais.gov.my/ihes> [8 February 2021].
- Centre for the New Economy and Society. 2018. *The Future of Jobs Report*. Switzerland. Retrieved from [http://www3.weforum.org/docs/WEF\\_Future\\_of\\_Jobs\\_2018.pdf](http://www3.weforum.org/docs/WEF_Future_of_Jobs_2018.pdf)
- Fatahiyah Elias. 2020. *Amalan Guru tentang Pendekatan Berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah untuk Pembelajaran Murid*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halstead, J. M. 2004. An Islamic concept of education. *Comparative Education* 40(4): 517–529. doi:10.1080/0305006042000284510
- Hussain, A. 2004. Islamic education: why is there a need for it? *Journal of Beliefs and Values* 25(3): 317–323. doi:10.1080/1361767042000306130
- Ibn Khaldun, A. M. 2001. Mukaddimah Ibn Khaldun. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibrahim Anis, Abdul Halim Muntasir, Atiyyah as-Su al-Hay & Muhammad Khalfullah Ahmad. (n.d.). Al-Mukjam al-Wasit.
- Ismail Abas, Bani Hidayat Mohd Shafie, Fauzi Abd. Majid & Mohamad Abu Bakar. 2016.

- Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Guru al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Dlm. Hussin (pnyt.), Noh (pnyt.), Hassan (pnyt.), Shafie (pnyt.), Darusalam (pnyt.), Mohamed (pnyt.), Pisol (pnyt.), et al. (pnyt.). *Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam 2016 (ISPEN-i 2016)*, hlm. 433–452. Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. 2017. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Skudai: Penerbit UTM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2009. Standard Guru Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012a. Dasar Pendidikan Kebangsaan, hlm. Vol. 66. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dasar/1196-buku-dasar-kpm/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012b. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dasar/1217-laporan-awal-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPP). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Deskripsi Tugas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dasar/1199-deskripsi-tugas-pegawai-perkhidmatan-pendidikan-kpm-laluan-pdp-dan-kepimpinan-edisi-2016/file>
- Khosim, N., Hussin, H. & Salaeh, A. 2018. Lima Bentuk Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM. *Journal of Fatwa Management and Research* 14(Special Issue): 645–659.
- Lednor, P. W. 2019. How to be Innovative. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Mohamad, A. S. & Sahad, M. N. 2014. Teori kepimpinan guru dalam pendidikan berdasarkan pemikiran Al Ghazali: Satu perbandingan dengan teori kepimpinan pendidikan barat. *Afkar Edisi Khas*: 163–196.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. 2011. Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal at-Ta'dib* 6(1): 59–78.
- Mohd Yusoff Dagang. 2016. *Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Negeri Johor*. Tesis PhD. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Ahmad Marzuki Mohamad. 2019. Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PDPC). *Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference*, hlm. 332–340. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muriyah Abdullah, Mohd Faeez Ilias, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah & Rosman, A. S. 2016. Pembinaan Kemahiran Insaniah Guru Pendidikan Islam di Sekolah melalui Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 3(2–1):

56–72.

- Muslim, I. al-H. A. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabiyy.
- Noornajihan Jaafar. 2014. *Pengaruh Efikasi Kendiri dan Faktor Persekutaran terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noornajihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd, Norakyairee Mohd Raus & Syed Najihuddin Syed Hassan. 2012. The Importance of Self-Efficacy: A Need For Islamic Teachers as Murabbi. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 69(2012): 359–366. doi:10.1016/j.sbspro.2012.11.421
- Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Ab. Halim Tamuri, Azhar Ahmad, Nur Hanani Hussin, Mohd Khamal Md. Daud & Maziahusima Ishak. 2019. The Significant Correlation between Self Efficacy and the Role of Islamic Education Teachers as a Society Change Agent. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 10(3): 83–89. doi:10.2478/mjss-2019-0044
- Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed. 2015. Model Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1): 101–108.
- Noraini Ibrahim, Azliza Haniem Abdul Aziz & Radha Nambiar. 2013. What Master Teachers Do: A Case Study of Planning, Facilitating, Role Modelling and Developing Materials. *International Education Studies* 6(6): 86–94. doi:10.5539/ies.v6n6p86
- Nur Farah Syahirah Nazim & Abdul Muhsien Sulaiman. 2020. Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai Muzakki: Suatu Tinjauan dari Perspektif al-Quran. *Online Journal Of Islamic Education* 8(2): 23–32.
- Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri. 2017. Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Online Journal Of Islamic Education* 5(2): 20–28.
- Nursafra Mohd Zhaffar. 2017. *Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed. 2015. Model Pengajaran 5Mim dari Perspektif al-Quran. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*, hlm. 289–297. Nilai: Fakulti Quran dan Sunnah, USIM.
- Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa. 2002. Peranan Kaunselor Dalam Penerapan Dan Pemupukan Nilai-Nilai Murni Melalui Program Kaunseling Terhadap Remaja Di Sekolah:Satu Wadah Terpadu Antara Guru Dan Kaunselor. *Wacana Pendidikan dan Pembangunan Manusia*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Sapie Sabilan, Mohd Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri & Suhana Mohamed Lip. 2020. Muslim Teachers' Characteristics Based on Integrated Holistic Education System. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation* 24(8): 3562–3569. doi:10.37200/IJPR/V24I8/PR280375
- Tan, A.-G. & Goh, S.-C. 2007. Creative Teaching: A Positive Beginning. Singapore: Prentice Hall.
- Umar Faruq Abd Allah. 2006. Innovation and Creativity In Islam. *A Nawawi Foundation Paper*. <http://www.nawawi.org/wp-content/uploads/2013/01/Article4.pdf>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. 2020a. Allah sebagai al- Badi ': Inspirasi untuk menjadi Guru Inovatif. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies* 2(1).
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. 2020b. Pengurusan

- Masa Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Online Journal Of Islamic Education* 8(2): 33–39.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2020. Pengetahuan Untuk Menghasilkan Inovasi Pengajaran dalam Kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Asian People Journal* 3(2): 192–201.